

D624

U B992 AAB  
MAHATHIR - KRAFTANGAN R R R

JITRA, 29 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PENDUDUK LUAR BANDAR KHASNYA ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA MENGUBAH CORAK PENGELUARAN HASIL KRAFTANGAN SECARA SAMBILAN KEPADA PENGELUARAN MENGGUNAKAN KILANG.

PERDANA MENTERI BERKATA, PENGELUARAN BESAR-BESARAN DALAM INDUSTRI KRAFTANGAN DAPAT MEMENUHI PERMINTAAN PASARAN SERTA MENINGKATKAN PENDAPATAN PENDUDUK.

BELIAU BERKATA, AMALAN TRADISIONAL MENGUSAHAKAN HASIL KRAFTANGAN MERUGIKAN PARA PEMBUAT DAN NEGARA APABILA PELUANG PASARAN BAGI SESUATU BARANGAN ITU WUJUD.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN KILANG SARUNG TANGAN GETAH KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL (NARSPRO) BERHARGA \$3 JUTA DI PAYA PAHLAWAN, BINJAL DEKAT SINI, BELIAU BERKATA, BARU-BARU INI SEBUAH SYARIKAT LUAR NEGERI TELAH MEMESAN 200,000 BUAH BAKUL KRAFTANGAN TETAPI TIDAK DAPAT DIPENUHI OLEH PENGUSAHANYA.

+JELASLAH BAHAWA MASANYA TELAH TIBA BAGI MASYARAKAT LUAR BANDAR MENGHASILKAN KRAFTANGAN SECARA PERKILANGAN DAN BUKAN SECARA INDIVIDU,+ KATANYA. -- LAGI.

1859MST 29 01 88

U B998 AAB  
MAHATHIR - KRAFTANGAN 2 JITRA R R R

KATANYA, MASYARAKAT LUAR BANDAR JUGA HENDAKLAH MENGIKIS SIKAP +BEKERJA SAMBIL LEWA+ SEPERTI TIDAK MENGHASILKAN BARANGAN SELAMA BEBERAPA HARI APABILA BERLAKU KEMATIAN ATAU KENDURI-KENDARA.

BELIAU BERKATA, PERBUATAN SEUMPAMA ITU AKAN MENJEJASKAN PELUANG PASARAN KERANA PARA PEMBELI TIDAK MAHU PESANAN BAGI BARANGAN YANG MEREKA KEHENDAKI DITANGGUHKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, HAL INI DAPAT DIATASI DENGAN BERKESAN APABILA KILANG-KILANG KECIL DIBUKA ATAU MELALUI INDUSTRI KAMPUNG YANG MEMPUNYAI SUSUNAN PENTADBIRAN DAN TATACARA KERJA YANG BETUL.

KATANYA, MEMBUKA SESEBUAH INDUSTRI KAMPUNG DENGAN MODAL YANG TIDAK BEGITU BESAR TIDAKLAH MENJADI MASALAH SEKARANG KERANA MEMANG MENJADI DASAR KERAJAAN MEMBERI BANTUAN DAN GALAKAN BAGI PERUSAHAAN SEUMPAMA ITU.

+JIKA TIADA MODAL AKAN DIBANTU, TIADA TENAGA MAHIR AKAN DILATIH DAN TIADA PENGURUS AKAN DIBERI BIMBINGAN,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI.  
1905MST 29 01 88

U 8002 AAB  
MAHATHIR - KRAFTANGAN 3 JITRA R R R

KATANYA, KERAJAAN AKAN MEMBERI SEGALA GALAKAN MENDIRIKAN KILANG-KILANG KECIL DENGAN MENEMPATKAN SEORANG PENGURUS UNTUK MENGENDALIKAN 10 BUAH KILANG SEUMPAMA ITU BAGI MENGURANGKAN KOS PENGGENDALIAN.

BERDASARKAN PENGALAMAN YANG LEPAS, KILANG-KILANG BUMIPUTERA TERUTAMANYA BANYAK GULUNG TIKAR KERANA PENGURUSAN YANG TIDAK AMANAH, CEKAP DAN JUJUR DI SAMPING ADANYA PEKERJA YANG TIDAK JUJUR DAN KERANA MARAHKAN MAJIKAN, MELAKUKAN SABOTAJ TERHADAP PENGURUSAN, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENCERITAKAN PENGALAMANNYA SEBELUM MENJADI PERDANA MENTERI. KATANYA, SESETENGAH PEKERJA DI SEBUAH KILANG NANAS DI JOHOR, KERANA MARAHKAN PENGURUSAN, MEMASUKKAN CICAK SERTA KERTAS ROKOK KE DALAM TIN NANAS.

+APABILA DIEKSPORT KE AMERIKA SYARIKAT, SEORANG PENGGUNA MEMBUAT ADUAN DAN PIHAK PENGURUSAN TERPAKSA MEMBAWA BALIK TIGA KONTENA NANAS DAN KILANG NANAS TERSEBUT TERJEJAS KEDUDUKANNYA DAN RUGI,+ KATANYA.

DALAM SATU LAGI PENGALAMAN, KATANYA, PENGURUS SEBUAH SYARIKAT KERAJAAN MELAPORKAN BAHAWA BEBERAPA BARANGAN KILANG TELAH RUSAK, PADA HAL BOLEH DIGUNAKAN DAN DIJUAL DENGAN HARGA MURAH SECARA LELONG. -- LAGI.

1929MST 29 01 88

D642

U 8003 AAB  
MAHATHIR - KRAFTANGAN 4 JITRA R R R

KATANYA, PERBUATAN TIDAK JUJUR SAMA ADA OLEH PENGURUS ATAU PEKERJA HARUSLAH DIELAK JIKA SESEORANG INDIVIDU ATAU KUMPULAN INGIN MENCAPAI KEJAYAAN DAN KEMAJUAN.

BELIAU BERKATA, MEREKA YANG TERLIBAT, TIDAK KIRA SIAPA SAHAJA TERMASUK DATUK, ANGGOTA PARLIMEN ATAU PEMIMPIN POLITIK YANG PECAH AMANAH DAN TIDAK JUJUR MENGENDALIKAN SESUATU FIRMA.

DALAM UCAPANNYA PULA MENTERI BESAR DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF MENGUMUMKAN BAHAWA KERJAAN NEGERI AKAN MEMBERI KELONGGARAN KEPADA PELABUR YANG INGIN MEMBUKA INDUSTRI KAMPUNG DI KEDAH.

KATANYA, LANGKAH ITU BERTUJUAN MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK INDUSTRI KAMPUNG UNTUK MEMBERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA PENDUDUK LUAR BANDAR. -- BERNAMA.

1932MST 29 01 88